

Headline	Kuala Kubu Bharu bakal tapak warisan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	12	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	267 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,204
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,611



Kuala Kubu Bharu bakal tapak warisan

[FOTO NUR ADIBAH AHMAD IZAM/BH]

Kuala Lumpur: Kerajaan giat membuat penilaian untuk mengangkat Kuala Kubu Bharu di Hulu Selangor sebagai warisan kebangsaan sebelum dicalonkan sebagai Tapak Warisan Dunia Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan serta Sainifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohamaddin Ketapi, berkata penilaian itu sedang dilakukan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN), kerajaan negeri Selangor, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi berkaitan mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Jabatan Warisan Negara sudah mengambil usaha untuk mengangkat tapak warisan yang memenuhi kriteria bagi pengiktirafan antarabangsa terutama pada peringkat UNESCO. Bagi Kuala Kubu Bharu, kita sedang membuat penilaian.

"Sehingga kini, sebanyak 302 tapak diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 antaranya Institut Penyelidikan

Perhutanan (FRIM) dan Kota Malawati di Selangor," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan June Leow Hsiad Hui (PH PKR-Hulu Selangor) yang ingin tahu perkembangan terkini rancangan menjadikan Kuala Kubu Bharu sebagai tapak warisan dunia UNESCO.

4 tapak dapat pengiktirafan

Mengulas lanjut, Mohamaddin berkata, setakat ini empat tapak sudah mendapat pengiktirafan UNESCO iaitu Taman Negara Mulu, Sarawak; Taman Kinabalu, Sabah; Bandar Warisan Dunia Melaka dan Georgetown, Pulau Pinang serta Tapak Arkeologi Lembah Lenggong, Perak.

"JWN melaksanakan kerja pemuliharaan tapak atau bangunan yang mana sehingga kini sebanyak 200 tapak dan bangunan sudah melalui proses pemuliharaan sejak 2006 antaranya Pusat Kawalan Kusta Negara, Selangor; Rumah Penghulu Mat



Mohamaddin menjawab soalan pada persidangan Dewan Rakyat, semalam.

Natar, Melaka dan lain-lain.

"Dalam usaha mempromosikan tapak Warisan Dunia UNESCO di Malaysia, kementerian melaksanakan beberapa usaha menggalakkan kehadi-

ran pelancong antaranya menganjurkan program Mega-Fam (lawatan) membabitkan wakil media luar negara dan bengkel pembangunan pakej serta seminar pelancongan," katanya.